

17/09/1997

Kuala Lumpur, Colombo tandatangani 6 dokumen

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia dan Sri Lanka hari ini menandatangani enam dokumen bagi memperkukuhkan lagi hubungan ekonomi selepas satu perbincangan dua hala.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya dari Sri Lanka, Lakshman Kadirgamar, menandatangani perjanjian Pengelakan Cukai Berganda dan Pencegahan Mengelak Cukai Mengenai Cukai Pendapatan.

Mereka berdua juga menandatangani perjanjian ekonomi, saintifik dan kerjasama teknikal.

Upacara itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Sri Lanka, Chandrika Kumaratunga yang sebelumnya mengetuai delegasi masing-masing pada perbincangan berkenaan.

Kumaratunga tiba di sini semalam untuk lawatan empat hari di atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Wakil dari empat syarikat Malaysia menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk beberapa cadangan projek dengan Lembaga Pelaburan Sri Lanka (BOI) yang diwakili pengerusi dan ketua pengarahnya, Thilan Wijesinghe.

Land & General Bhd bercadang memajukan bandar industri di kawasan 760 hektar di ladang Horana Perth, 40 kilometer dari Colombo.

MoU yang membabitkan Renong Overseas Corporation untuk memajukan zon industri dan taman sains, satu kajian kemungkinan mengenai cadangan Lebuhraya Colombo-Kandy dan sebuah bank komersil di Sri Lanka.

Transmile Group Bhd pula bercadang membuat kajian kemungkinan terperinci membina terminal kargo udara termasuk reka cipta, pembinaan dan pengurusannya di Lapangan Terbang Bandaranaike.

Penggalakan teknologi maklumat (IT) di kedua-dua negara, keupayaan multimedia dan tarikan pelaburan baru dalam kedua-dua bidang itu terkandung dalam MoU yang membabitkan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Sementara itu, Sri Lanka meminta kerjasama Malaysia melatih pegawai awamnya dalam usaha kerajaan negara itu melaksanakan reformasi pentadbiran awam.

Permintaan itu antara perkara yang dibangkitkan pada perbincangan di antara Kumaratunga dan Dr Mahathir, di Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Abdullah berkata, Sri Lanka berminat menimba pengalaman Malaysia yang sudah berjaya mengadakan reformasi pentadbiran awam.

"Mereka berharap kerajaan Malaysia dapat menerima beberapa pegawai yang dihantar ke Malaysia untuk mengikuti latihan tertentu atau yang datang untuk lawatan sambil kerja," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir menyatakan, bahawa Malaysia bersedia memberi latihan yang diperlukan kerajaan Sri Lanka. - Bernama

(END)